

**Oleh :** DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK  
**Tempat :** DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA  
**Tarikh :** 16-06-2005  
**Tajuk :** PELANCARAN SAMBUTAN 100 TAHUN UNIVERSITI MALAYA

TEKS UCAPAN

YAB. DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA  
SEMPENA PELANCARAN SAMBUTAN 100 TAHUN UNIVERSITI MALAYA  
DI DEWAN TUNKU CANSELOR UM  
PADA 16HB. JUN 2005 (KHAMIS)  
JAM 8.30 PAGI

-----  
Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghararullahah, Tuanku Canselor Universiti Malaya.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin, Tuanku Pro-Canselor Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik sekalian berasa amat sukacita serta menjunjung kasih di atas keberangkatan Tuanku berdua ke majlis ini seterusnya mencemar duli untuk menzahirkan perasmian sambutan 100 tahun penubuhan Universiti Malaya pada pagi yang mulia ini.

Sesungguhnya Universiti Malaya yang tersohor ini telahpun mencapai pelbagai bentuk kejayaan dan kecemerlangan serta pengiktirafan di peringkat nasional mahupun antarabangsa di bawah naungan Duli-Duli Tuanku. Bertambah bermakna kini, Universiti Malaya telah tersenarai di antara 100 universiti yang terbaik di dunia .

Semoga Allah S.W.T. mengurniakan kesihatan dan kekuatan kepada Duli-Duli Tuanku agar terus memimpin Universiti ini ke arah kecemerlangan.

Ampun Tuanku.

Patik seterusnya memohon perkenan Duli-Duli Tuanku untuk Patik berucap kepada hadirin sekalian. Ampun Tuanku.

Y.A.Bhg. Toh Puan Datuk Hajjah Dr. Aishah Ong, Pro-Canselor Universiti Malaya,

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Haji Arshad bin Ayub, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya,

Y.B. Dato' Dr. Haji Shafie Mohd. Salleh, Menteri Pengajian Tinggi;

Y.Bhg. Dato' Prof Dr. Hashim Yaacob, Naib Canselor Universiti Malaya;

Dif-Dif Kehormat,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Pertama sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti kerana mengundang saya untuk menyampaikan ucap-tama dalam majlis bersejarah ini sempena menyambut ulang-tahun ke 100 Universiti Malaya.
2. Sesungguhnya tempoh satu abad yang berlalu tentunya menyaksikan berbagai-bagai rintangan dan cabaran. Justeru saya kira waktu ini amat bertepatan untuk kita mengambil peluang merenung sejenak dan mengimbas kembali segala pencapaian, sekali gus melihat pula apakah cabaran-cabaran yang akan dihadapi.
3. Pasti Universiti Malaya telahpun mengharungi pelbagai rintangan dan liku-liku untuk sampai ke tahap ini. Secara langsung atau tidak langsung, begitu ramai yang telah mencurahkan jasa dan bakti serta berkorban masa dan tenaga mereka sepanjang perjalanan ini. Di kesempatan ini kita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap seorang daripada mereka. Semoga segala usaha dan titik peluh mereka mendapat balasan daripada Allah S.W.T.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Seperti yang kita semua sedia maklum, institusi ini yang telah bermula pada tahun 1905 di Singapura sebagai The Straits Settlements and Federated Malay States Medical College, sehinggalah dicantumkan pada tahun 1947 dan menjadi Universiti Malaya, telah berkembang mekar bukan sahaja sebagai sebuah universiti, tetapi juga sebagai mercu tanda yang tidak dapat dipisahkan daripada sejarah pembikinan negara ini.
5. Di ketika negara masih muda dan sedang membangun dengan pesatnya, di mana penjanaan ilmu dan sumber manusia amat diperlukan, maka Universiti Malayalah yang menjadi institusi ulung yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara tercinta ini.
6. Maksud saya, Universiti Malaya telah banyak jasanya dalam melahirkan begitu ramai tokoh yang telah dan sedang mewarnai serta mencorakkan lanskap pembangunan negara. Ratusan ribu graduan telahpun dilahirkan, dari bidang politik, pentadbiran, kesusasteraan dan kesenian, ekonomi, perniagaan, perubatan sehinggalah ke bidang sukan. Nama-nama yang tidak asing lagi termasuklah YAB Perdana Menteri kita, Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Isteri, Professor DiRaja Ungku Aziz, Datuk Usman Awang, Allahyarham Aminuddin Baki dan mendiang Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kendatipun begitu, dalam ketika kita bersyukur dan bergembira di atas kejayaan yang telahpun diraih oleh Universiti Malaya selama tempoh ini, kita perlu terus mengingatkan diri kita bahawa kejayaan ini tidak akan kekal jika tidak dipertahankan. "Even the greatest universities cannot afford to rest on past glories"

8. Hakikatnya dalam dunia yang begitu kompetitif dan tidak menentu ini, dunia akademik juga tidak dapat lari daripada persaingan. Contohnya, jika dilihat kepada institusi-institusi yang lebih tua dan terkemuka di dunia seperti Oxford dan Cambridge di Britain serta universiti-universiti bergelar "Ivy League" di Amerika, jelas sekali wujud persaingan yang hebat di antara mereka, sama ada dari segi merebut kepakaran mahupun dana penyelidikan universiti.

9. Dalam konteks Universiti Malaya pula, kelahiran institusi-institusi pengajian tinggi swasta kini sudah tentunya telah mewujudkan persaingan yang sama. Manakala usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau melalui kemasukan universiti-universiti luar negara juga akan menambahkan lagi persaingan dan memberikan peluang yang lebih luas kepada mereka yang inginkan pendidikan yang bermutu. Oleh yang demikian untuk Universiti Malaya mengekalkan kecemerlangannya, ia harus terus mengekalkan keunggulannya dengan semangat dan roh bahawa pencapaian seratus tahun ini sesungguhnya adalah suatu titik permulaan kepada perjalanan yang lebih jauh. "This not a culmination, this is only the begining" .

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Memang benar, hari ini kita berbangga apabila Universiti Malaya tergolong di kalangan 100 universiti terbaik di dunia. Saya difahamkan bahawa UM tersenarai di tangga ke 89. Justeru, suka saya melontarkan cabaran pada Universiti Malaya untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi menjelang tahun 2020 iaitu sekurang-kurangnya tergolong antara 50 universiti terbaik. Ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Saya berasa amat yakin bahawa kita mampu mencapai hasrat ini jika wujud usaha bersepadu dari semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Antara perkara pokok yang menunjang kecemerlangan sesebuah universiti itu ialah tahap mutu pengajaran yang tinggi. Tahap mutu pengajaran yang tinggi ini datangnya daripada tenaga pengajar yang amat berkemampuan dan komited serta para pelajar yang juga berkemampuan dan komited. Dua kumpulan ini perlu saling melengkapi demi membuah hasil yang terbaik. Pensyarah yang hebat sahaja tidak akan bermakna tanpa pelajar yang hebat. Pelajar yang hebat pula akan lahir dari bimbingan pensyarah yang hebat dan berkualiti.

12. Selain daripada kualiti pengajaran, kehebatan sesebuah universiti itu turut diukur daripada segi kepakaran dan hasil penyelidikannya. Bersesuaian dengan slogan 'UM kini sudah terbilang' Universiti Malaya perlu terus menjadi teraju kepada 'Sumber Kepakaran terunggul' di negara ini. Saya difahamkan bahawa kepakaran dalam khidmat perundingan dan penyelidikan UM telah digunakan oleh badan-badan antarabangsa seperti WHO, Bank Dunia, OECD, ILO, Asian Development Bank dan beberapa badan antarabangsa yang lain.

13. Kita juga berasa bangga dengan sumbangan Universiti ini sebagai penyelaras kebangsaan program Antartika. Malah saya dimaklumkan juga, di peringkat Kebangsaan, Academy of Sciences memberi penganugerahan kepada Saintis yang cemerlang dalam kerja mereka sejak tahun 1989, dan 7 orang dari 13 saintis negara yang menerima anugerah dan penghargaan adalah dari Universiti Malaya. (antaranya Prof. R. Karunathan, Prof. Wan Tajudin, Prof. Mohd Ridza, Prof. Zahari Taha).

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Kita kini berada dalam era pos industri dengan keadaan dunia yang semakin terangkai atau global dan manusia semakin berpengetahuan (K-society). Dalam dunia yang saling berkait ini, keupayaan untuk membentuk jaringan dari segi penyelidikan dan pengajaran adalah amat penting. Dalam hal ini, sesebuah universiti seperti Universiti Malaya seharusnya memainkan peranan bukan sahaja sebagai penerima bahkan juga sebagai penyumbang dalam jaringan. Pada hemah saya langkah Universiti Malaya menggunakan kekuatan yang dimiliki dalam bidang perubatan dan kesihatan dengan mengadakan penyelidikan bersama khasnya dalam hal-hal penyakit berjangkit dan juga bidang onkologi/cancer serta diabetik patutlah diberi pujian.

15. Saya juga amat gembira kerana Universiti Malaya sedang menerokai bidang baru seperti teknologi nano, sains nano, dan bioteknologi yang sememangnya merupakan bidang-bidang yang diberi penekanan oleh Kerajaan sekarang.

16. Apa yang penting untuk diambil berat oleh pihak universiti ialah mutu pengajaran dan mutu penyelidikan menuntut kepada persekitaran yang kondusif sama ada kepada ahli fakulti, mahupun pelajar lepasan ijazah universiti tersebut dan sarjana-sarjana dari universiti luar negara. Barulah akan membuah hasil yang berkualiti.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Pada analisis terakhir kecemerlangan sesebuah universiti terletak kepada pengiktirafan yang diberikan kepada produknya iaitu para graduannya dan hasil penyelidikannya. Bagi para graduan, mereka dinilai oleh pasaran pekerjaan. Sesebuah universiti itu seringkali dianggap hebat apabila para graduannya hangat di pasaran dan berjaya pula dalam lapangan pekerjaan yang diceburi. Universiti yang terulung dan terkemuka juga perlu sentiasa menghasilkan penyelidikan, inovasi dan ciptaan yang mendapat pengiktirafan di peringkat yang tertinggi.

18. Dari itu, memandangkan betapa penguasaan ilmu pengetahuan merupakan tunjang dan ciri utama yang menentukan pembangunan dan kemajuan sesebuah bangsa dan empayar, maka saya ingin mencadangkan agar dikaji dan dinilai kembali akan sumbangan kreatif dan inovasi yang dicipta oleh para cendekiawan dalam menjana ilmu pengetahuan yang relevan dan kritikal kepada negara. Para pemikir, sarjana-sarjana dan cendekiawan yang telah berpuluh tahun berkecimpung dalam penjaan ilmu pengetahuan dan inovasi ini harus diangkat martabat mereka untuk dijadikan 'Khazanah Negara'. Malah, saya berpendapat bahawa merekalah 'khazanah negara' yang sebenar, kerana mereka sentiasa produktif dari segi penjaan ilmu.

19. Sudah tiba masanya untuk kita memberi status baru serta peluang kepada keusahawanan akademik (academic entrepreneurship). Ahli fikir, sarjana-sarjana dan cendekiawan adalah aset negara yang paling bernilai dan yang berterusan produktif sepanjang hayat. Maka, dengan mengangkat status mereka, maka kita akan dapat memikirkan kegemilangan, kecemerlangan dan keterbilangan dalam akademik secara berterusan.

20. Saya juga ingin mengajak semua untuk memikirkan satu sistem atau mekanisme agar para cendekiawan yang telah menjangkau satu tahap umur tertentu, sedangkan

mereka ini masih aktif dan produktif untuk dibenarkan terus menjana ilmu dan mencipta inovasi di institusi-institusi pendidikan tinggi sebagai pemikir atau penasihat. Sementara, di kalangan pemikir pula haruslah wujud tahap profesional dan komitmen yang amat tinggi yang menyebabkan institusi itu sendiri tidak mahu melepaskan mereka walaupun mereka telah sampai kepada umur bersara. Negara akan kerugian besar sekiranya ahli fikir atau cendekiawan yang masih produktif dibenarkan bersara atau meninggalkan bidang kepakaran masing-masing.

21. Akhir kata, sekali lagi ingin saya menekankan bahawa Universiti Malaya sememangnya sudah mempunyai elemen kecemerlangan yang amat unggul. Namun, janganlah kita dibuai dengan 'laurels' yang ada sehingga kita menjadi 'complacent'. Usaha berterusan dan lonjakan berganda perlu dilakukan untuk terus mengangkat martabat Universiti Malaya ke mercu yang lebih tinggi. Saya ingin menyudahi ucapan saya ini dengan kata-kata Thomas H.Huxley yang menyatakan, "The medieval university looked backwards; it professed to be a storehouse of knowledge. The modern university looks forward, and is a factory of new knowledge"

Ampun Tuanku,

22. Patik sudahi ucapan patik dengan mendoakan kesejahteraan Duli-Duli Tuanku dan semoga Universiti Malaya akan terus cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Menyambut Ulang Tahun ke 100 Universiti Malaya